

Mudah untuk menavigasi

Kod Perbankan terbaru telah dipermudahkan dan mengandungi bahagian-bahagian berikut.



Urusan kami dengan anda di bawah kod



Pelanggan



Perkhidmatan perbankan



Jika berlaku masalah



Tataamalan Perbankan yang baharu

Berkuat kuasa 28 Februari 2025

Australian Banking Association

- P** PO BOX H218 Australia Square NSW 1215
- T** 02 8298 0417
- E** reception@ausbanking.org.au
- W** www.ausbanking.org.au



Australian Banking Association

Apakah Tataamalan Perbankan yang baharu?

Tataamalan Perbankan baharu ialah satu set standard yang boleh dijangkakan oleh **pelanggan, perniagaan kecil** dan **penjamin** mereka daripada bank mereka.


Tataamalan Perbankan merupakan tonggak utama dalam rangka kawal selia perkhidmatan kewangan, menetapkan standard tinggi bagi perlindungan pelanggan di Australia.

Ia menyediakan keselamatan dan perlindungan yang tidak ditetapkan dalam undang-undang untuk para individu, pelanggan perniagaan kecil dan penjamin. Peruntukan dalam Tataamalan Perbankan juga boleh dikuatkuasakan di sisi undang-undang.

Tataamalan Perbankan mula diperkenalkan pada tahun 1993. Sejak diperkenalkan, ia telah melalui pelbagai penambahbaikan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan keperluan pelanggan serta menangani cabaran baharu, agar terus kekal relevan. Dari masa ke masa, banyak standard yang terkandung dalam Tataamalan Perbankan telah dimasukkan ke dalam undang-undang.

Kemas kini terbaharu Tataamalan Perbankan ini adalah kemuncak kajian semula yang meluas dan telah dibangunkan melalui perundingan dengan wakil pengguna, organisasi perniagaan kecil dan pengawal selia. Kajian semula telah menghasilkan peningkatan ketara peruntukan Tataamalan Perbankan dan termasuk perlindungan tambahan untuk pelanggan perniagaan kecil, penjamin, pelanggan yang terdedah dan pelanggan yang memerlukan sokongan tambahan.

Tataamalan Perbankan yang dikemas kini ini sekali lagi telah diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan Pelaburan Australia (Australian Securities and Investment Commission, ASIC).



Perubahan kepada Tataamalan Perbankan 2025 yang baharu termasuk:

- ✓ definisi perniagaan kecil yang diperluas yang bermaksud tambahan 10,000 pelanggan perniagaan kecil akan mendapat perlindungan Tataamalan Perbankan;
- ✓ bank kini diwajibkan untuk bertemu dengan pelanggan yang berhasrat untuk menjadi penjamin, bagi memastikan mereka memahami tanggungjawab mereka sebelum menerima jaminan;
- ✓ definisi pelanggan terdedah yang baharu, mengakui sesiapa sahaja boleh menjadi terdedah pada bila-bila masa;
- ✓ bahagian yang dikemas kini mengenai perbankan terangkum dan boleh diakses, yang mengiktiraf perkhidmatan perbankan harus terangkum bagi orang dengan orientasi seksual dan identiti jantina yang pelbagai;
- ✓ komitmen baharu untuk mengatur atau merujuk pelanggan kepada perkhidmatan sokongan percuma seperti jurubahasa, AUSLAN dan National Relay Services;
- ✓ kejelasan yang lebih mendalam tentang jenis sokongan yang tersedia untuk semua pelanggan, termasuk pilihan kesukaran kewangan untuk perniagaan kecil; dan
- ✓ peruntukan baharu yang dipertingkatkan untuk menguruskan harta pusaka.